

04 MAR 2000

Sukan-Hoki (Bawah 15)

PERAK DAN TERENGGANU CATAT KEJAYAAN BESAR

KUALA TERENGGANU, 4 Mac (Bernama) -- Juara dan naib juara tahun lepas, Perak dan Terengganu, masing-masing mencatat kemenangan besar pada Kejohanan Hoki Bawah 15 lelaki PHM/Milo/MSN di Stadium Hoki Batu Buruk di sini, hari ini.

Perak mengalahkan Kedah 9-0 dalam Kumpulan A manakala Terengganu yang bermain dalam Kumpulan B membelasah Selangor 7-1.

Kejohanan itu dirasmikan Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah, malam tadi.

Perak yang bermain kemas dan penuh bersefahaman mendahului 4-0 pada babak pertama dan mengambil masa empat minit untuk mendapatkan gol pertama melalui Selvaraju Sandrakasi.

Walaupun Kedah memberikan tentangan, ia tidak mendatangkan kesan malah Perak terus menjaringkan gol demi gol sehingga permainan berakhir.

Penjaring Perak ialah Selvaraju Sandrakasi, Chandramohan Balachandran, Mohd Adzuan Rosli, Mohd Hamzaid Mokhtar, Mahendran Subramaniam dan Chin Kok San.

Sementara itu, perlawanan antara Terengganu dan Selangor juga menarik tetapi berat sebelah apabila pasukan tuan rumah mengasak kubu lawan sejak awal permainan.

Mahathir Fitri Mokhtar hanya mengambil masa enam minit untuk mendapatkan gol pertama Terengganu melalui pukulan padang.

Pasukan tuan rumah mendahului 3-0 pada separuh masa.

Dalam satu lagi perlawanan kumpulan B, Pahang juga mencatat kemenangan besar mengalahkan Kelantan 7-0 setelah mendahului 3-0 pada separuh masa pertama.

Pahang memulakan kempen jaringan mulai minit ke enam.

Lain-lain keputusan:

Kumpulan B: Johor mn Melaka 4-1 dan Kuala Lumpur mn Negeri Sembilan 1-0.

-- BERNAMA

ib zb